

Soalan No: 90

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 25.7.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan syarikat pembekal, jenama perkakasan serta kos pembekalan Tablet Bantuan Mengajar yang sepatutnya diagihkan kepada 430,000 guru seperti yang diumumkan dalam Bajet 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat pembekal bagi Tablet Bantuan Mengajar ialah syarikat Utusan Melayu (M) Berhad. Sebanyak 42,551 tablet dibekalkan dalam fasa 1 kepada guru di Sarawak dan 17,568 guru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi fasa 2, seramai 61,500 guru di Selangor telah menerima tablet tersebut.